

Bil. S 29

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 3), 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 9 dari Penggal 35
 3. Pindaan bab 16
 4. Pindaan bab 35
 5. Pindaan bab 37
 6. Penggantian bab 37A
 7. Penggantian bab 37B
 8. Penggantian bab 38
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 3), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 3), 2020 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2016.

Pindaan bab 9 dari Penggal 35

2. Bab 9 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam ceraihan (5) —

(a) dengan memotong perenggan (b) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(b) apa-apa bayaran bagi penggunaan atau hak untuk menggunakan pengetahuan atau maklumat saintifik, teknikal, perindustrian atau komersial;”;

(b) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (b) perenggan baru yang berikut —

“(ba) apa-apa bayaran bagi memberi bantuan atau perkhidmatan berhubung dengan pemakaian atau penggunaan pengetahuan atau maklumat saintifik, teknikal, perindustrian atau komersial;”.

Pindaan bab 16

3. Bab 16 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraihan (2) —

(a) dengan memotong “rates to be prescribed” dari baris keenam dan menggantikannya dengan “the rate of 25 *per cent*”;

(b) dengan memotong proviso dan menggantikannya dengan proviso baru yang berikut —

“Dengan syarat bahawa Pemungut boleh, atas budi bicaranya, membenarkan suatu kadar yang lebih tinggi daripada kadar 25 peratus.”.

Pindaan bab 35

4. Bab 35 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan ceraiian (2) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(2) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua dalam Akta ini, cukai pada kadar 15 peratus hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas amaun kasar sebarang pendapatan yang disebut dalam bab 9(4), yang terakru di atau diperolehi dari Negara Brunei Darussalam oleh seseorang yang bukan pemastautin di Negara Brunei Darussalam yang tidak diperolehi oleh orang itu dari apa-apa perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya yang dilaksanakan atau dijalankan olehnya di Negara Brunei Darussalam dan yang sebenarnya tidak ada kaitannya dengan mana-mana bangunan tetap orang itu di Negara Brunei Darussalam.”;

(b) dengan memansuhkan ceraiian (2A) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(2A) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua dalam Akta ini, maka hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas amaun kasar —

(a) mana-mana bayaran yang disebut dalam bab-bab 9(5)(a), (b), (ba) dan (d), cukai pada kadar 10 peratus; atau

(b) mana-mana bayaran yang disebut dalam bab 9(5)(c), cukai pada kadar 15 peratus,

yang terakru di atau diperolehi dari Negara Brunei Darussalam oleh seseorang yang bukan pemastautin di Negara Brunei Darussalam yang tidak diperolehi oleh orang itu daripada mana-mana perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya yang dilaksanakan atau dijalankan olehnya di Negara Brunei Darussalam dan yang sebenarnya tidak ada kaitannya dengan mana-mana bangunan tetap orang itu di Negara Brunei Darussalam.”;

(c) dengan memasukkan sejurus selepas ceraiian (2A) ceraiian baru yang berikut —

(2B) Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua dalam Akta ini, cukai pada kadar 10 peratus hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas pembayaran sebarang ganjaran oleh sesebuah syarikat kepada mana-

mana pengarah syarikat itu yang tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam.”;

(d) dengan memansuhkan ceraian (3);

(e) dengan memansuhkan ceraian (6);

(f) dalam ceraian (7), dalam takrifan “amaun kasar”, dengan memotong “ceraian-ceraian (2), (3) dan (4)” dan menggantikannya dengan “ceraian-ceraian (2) dan (2A)”.

Pindaan bab 37

5. Bab 37 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong “20” dari baris keempat dan menggantikannya dengan “15”.

Penggantian bab 37A

6. Bab 37A dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Pengenalan bab 37 kepada royalti, bayaran pengurusan dll.

37A. (1) Bab 37 hendaklah dikenakan, berhubung dengan pembayaran sebarang pendapatan yang disebut dalam bab 9(4) atau (5) oleh mana-mana orang kepada orang lain yang tidak diketahuinya sebagai pemastautin di Negara Brunei Darussalam, sebagaimana peruntukan-peruntukan itu dikenakan kepada sebarang faedah yang dibayar oleh seseorang kepada orang lain yang tidak diketahuinya sebagai pemastautin di Negara Brunei Darussalam.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini —

(a) sebarang sebutan dalam peruntukan-peruntukan itu kepada faedah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada pendapatan yang disebut dalam bab 9(4) atau (5); dan

(b) sebutan kepada 15 peratus dalam bab 37(1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada kadar-kadar cukai yang berkenaan yang dinyatakan dalam bab 35(2) atau (2A), mengikut mana yang berkenaan.”.

Penggantian bab 37B

7. Bab 37B dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Pengenalan bab 37 kepada ganjaran pengarah bukan pemastautin

37B. (1) Bab 37 hendaklah dikenakan, berhubung dengan pembayaran apa-apa ganjaran yang disebut dalam bab 35(2B) oleh sesebuah syarikat kepada mana-mana pengarah syarikat itu yang tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam sebagaimana peruntukan-peruntukan itu dikenakan kepada sebarang faedah yang dibayar oleh seseorang kepada orang lain yang tidak diketahuinya sebagai pemastautin di Negara Brunei Darussalam.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini —

(a) sebarang sebutan dalam peruntukan-peruntukan itu kepada faedah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada ganjaran tersebut; dan

(b) sebutan kepada 15 peratus dalam bab 37(1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada kadar cukai yang dinyatakan dalam bab 35(2B).”.

Penggantian bab 38

8. Bab 38 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Cukai dipotong dari faedah, royalti, bayaran pengurusan dan ganjaran dll.

38. Mana-mana cukai yang telah dipotong dari sebarang bayaran di bawah peruntukan-peruntukan bab 37, 37A atau 37B hendaklah, apabila bayaran tersebut dimasukkan dalam pendapatan yang boleh dicukai mana-mana orang, ditolak bagi maksud kutipan terhadap cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dicukai itu.”.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 8 haribulan Jun, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**